

14 AUG 2002

Tajol-Kem

PERAK SEDIA TERIMA PERPINDAHAN KEM BATU CANTONMENT

IPOH, 14 Ogos (Bernama) -- Kerajaan negeri sedia menerima cadangan perpindahan kem tentera darat Batu Cantonment di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur ke Batu Gajah kerana ia akan membantu memajukan bandar itu, kata Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Katanya beliau difahamkan Kementerian Pertahanan bercadang memindahkan kem tentera itu ke Batu Gajah dan daripada maklumat anak syarikat Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), ia memerlukan tanah seluas 680 hektar untuk membina kem baru itu.

Kem tentera Batu Cantonment menempatkan beberapa batalion tentera darat antaranya 94 Batalion Kor Perkhidmatan, 91 Regimen Jurutera dan 92 Skuadron Simpanan Jurutera.

Tajol Rosli berkata kerajaan negeri secara prinsipnya meluluskan tanah seluas itu dengan insentif premium yang rendah untuk pemindahan kem berkenaan.

"Jika kem itu dibina di Batu Gajah dan perpindahan depot Keretapi Tanah Melayu Berhad ke Batu Gajah tidak menghadapi masalah, ia akan membantu kita (kerajaan negeri) untuk membangunkan Batu Gajah," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan exco kerajaan negeri, di sini hari ini.

Beliau berkata kerajaan negeri difahamkan Kementerian Pertahanan berminat untuk membina kem baru itu di Batu Gajah kerana kedudukannya yang dekat dengan Pelabuhan Lumut, termasuk dalam laluan landasan keretapi berkembar, berdekatan dengan lapangan terbang selain kemudahan untuk ke pantai timur melalui Lebuhraya Simpang Pulai.

Tajol Rosli juga berkata beliau telah membangkitkan cadangan untuk membina Universiti Komanwel di Tapah kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika lawatan sehari Perdana Menteri ke Perak Sabtu lepas.

"Perdana Menteri berjanji bahawa universiti itu akan dibina di Tapah. Saya difahamkan ia memerlukan tanah seluas 1,600 hektar dan kita bersedia menimbangkannya. Saya yakin kita akan dapat bangun Tapah dengan pembinaan universiti itu," katanya.

Beliau berkata kerajaan negeri yakin pembangunan negeri Perak akan bertambah pesat dengan cadangan pembinaan beberapa kampus universiti seperti Universiti Komanwel, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) di Bandar Seri Iskandar dan kampus cawangan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di Kampar.

Mengenai projek pembangunan Sungai Kinta, Tajol Rosli berkata kerajaan pusat telah meluluskan RM20 juta untuk pelaksanaannya yang bertujuan menyediakan kemudahan bagi orang ramai beriadah dan berehat.

-- BERNAMA

KAY RON